



10 OCT, 2023

JKDM Kelantan rampas 12 motosikal seludup

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2



SINDIKET TUMPAS: Koh (dua kanan) bersama pegawai menunjukkan sebahagian motosikal terpakai yang dirampas semasa mengadakan sidang media di Pejabat Penguatkuasa JKDM Rantau Panjang di Pasir Mas, semalam. JKDM Kelantan berjaya mematahkan kegiatan menyeludup motosikal terpakai dari negara Jiran ke negara ini di sempadan Malaysia-Thailand melalui pangkalan haram Bukit Bunga. — Gambar Bernama

JKDM Kelantan rampas 12 motosikal seludup

PASIR MAS: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan menggagalkan kegiatan menyeludup masuk 12 motosikal terpakai bernilai lebih RM42,000 termasuk cukai di Bukit Bunga, Tanah Merah pada akhir bulan lepas.

Pemangku Pengarah JKDM Kelantan Koh Joo Kai berkata pihaknya merampas sebuah motosikal Yamaha RXZ di pangkalan haram di Bukit Bunga pada 24 September lepas dan susulan itu, merampas 11 lagi motosikal, dua hari kemudian, di sebuah bengkel yang dijadikan tempat peny-

impanan motosikal terpakai.

"Motosikal ini dibawa masuk melalui laluan Sungai Golok menggunakan bot atau sampan ke pangkalan haram sebelum dibawa ke bengkel," katanya pada sidang media di Pejabat Penguatkuasa JKDM Rantau Panjang di sini semalam.

Beliau berkata keseluruhan rampasan terdiri daripada empat Yamaha RXZ, lima Yamaha RX manakala masing-masing sebuah Crypton buatan Thailand, Honda LC135 dan Honda Wave.

Menurut Koh, siasatan mendapati kesemua motosikal

itu tidak mempunyai nombor pendaftaran Malaysia selain turut diubah suai dipercayai bagi memenuhi permintaan pelanggan tempatan.

Beliau berkata pihaknya sedang mengesan pemilik motosikal dan pemilik bengkel terlibat.

Katanya permintaan tinggi terhadap motosikal terutama jenis Yamaha RXZ berkeungkinan menjadi faktor kegiatan penyeludupan berlaku.

"Kes sedang disiasat lanjut mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967," katanya. — Bernama



10 OCT, 2023

JKDM Kelantan rampas 12 motosikal seludup

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PASIR MAS: JabatanKastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan menggagalkankegiatan menyeludup masuk 12 motosikal terpakai bernilai lebih RM42,000 termasuk cukai di Bukit Bunga, Tanah Merah pada akhir bulan lepas.

PemangkuPengarahJKDM Kelantan Koh Joo Kai berkata pihaknya merampas sebuah motosikal Yamaha RXZ di pangkalan haram di Bukit Bunga pada 24 September lepas dan susulan itu, merampas 11 lagi motosikal, dua hari kemudian, di sebuah bengkel yang dijadikan tempat penyimpanan

motosikal terpakai.